

PENGENALAN PONDOK SUNGAI DURIAN

Oleh:
Haji Abd Kadir bin Yasim¹

ABSTRAK

Artikel berjudul 'Pengenalan Pondok Sungai Durian' Kuala Krai, Kelantan ini ditulis bagi tujuan memperkenalkan sebuah institusi pondok tradisional yang terletak di sebuah kampung di bawah jajahan Kuala Krai iaitu Kampung Sungai Durian.

Artikel ini berbentuk kualitatif secara perpustakaan dan lapangan. Dan artikel ini juga sebagai satu sorotan sistem pendidikan pondok yang berbentuk tradisional kepada pelbagai lapisan masyarakat kerana ia (mungkin) boleh dijadikan rujukan kepada bidang pendidikan.

PENDAHULUAN

Artikel ini cuba untuk memperkenalkan (lagi) kepada masyarakat mengenai sebuah institusi pengajian Islam tradisional atau lebih dikenali dengan 'Pondok Sungai Durian' atau nama penuhnya **Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian (MMPSD)** yang telah diasas dan dibangunkan sejak enam dekad yang lalu.

Sebenarnya pondok Sungai Durian boleh dianggap sebagai sebuah pusat pengajian tradisional terulung dan setanding dengan pusat-pusat pengajian pondok seperti Pondok Pasir Tumbuh di Kota Bharu, Pondok Lubok Tapah di Pasir Mas serta beberapa buah pondok lain di negeri ini yang ditubuhkan lebih dahulu dari Pondok Sungai Durian.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1958, Pondok Sg. Durian sentiasa menjadi pilihan para pelajar dari seluruh pelusuk negara termasuk dari Sabah, Sarawak malah pada suatu ketika terdapat ramai pelajar-pelajar yang berasal dari Singapura, Thailand, Kemboja dan lain-lain yang datang serta membuat pilihan untuk meneruskan pengajian mereka di sini.

Hakikatnya, setelah beberapa tahun mereka mengikuti pengajian aliran agama peringkat asas di sini, kemudian mereka melangkah dan meneruskan kembara ilmu ke tahap yang lebih tinggi dan lebih jauh lagi, mereka masuk ke IPT-IPT tempatan atau luar negara khususnya di timur tengah, al Azhar Mesir, di Makkah dan juga Madinah, maka akhirnya terbukti, bahawa pilihan mereka untuk "memondok" di PSD suatu ketika dahulu tidak sia-sia. Kini mereka telah pulang membawa segulung ijazah, sekaligus mereka layak bergelar ulama', sebagai pemimpin masyarakat, pendakwah, pensyarah, malah ramai juga yang menjadi usahawan, ahli perniagaan, sebagai ahli politik dan sebagainya.



¹Bekas pelajar MMPSD & kini, Tenaga Pengajar MMPSD (dari tahun 1990 hingga kini)

PENUBUHAN PONDOK SUNGAI DURIAN

Hampir 10 tahun Tuan Guru Haji Abdul Rahman Sulaiman (almarhum) berkembara mencari dan mengumpul mutiara ilmu di sisi Kaabah al-Musyarrafah (di Makkah al Mukarramah).

Sebaik-tamat pengajiannya selama 7 tahun di tanah suci, Tuan Guru Haji Abdul Rahman tidaksabar menunggu lama, selain segera pulang ke tanah air bagi merealisasikan cita-citazaman remajanya untuk menubuh dan membangunkan sebuah pusat pengajian pondok sebagai tempat dan medan untuk beliau mengajar, mendidik, mentarbiah, menyampai dan menyebarkan ilmu-ilmu keagamaan kepada masyarakat Islam, khususnya kepada masyarakat yang berada di sekitar jajahan Ulu Kelantan atau jajahan Kuala Kuala Krai sekarang

Selepas beberapa minggu pulang ke kampung halaman, beliau menggunakan masa-masa yang terluang untuk “bertemu mata” dan beramah mesra bersama ahli keluarga yang lama ditinggalkan. Selain itu, beliau juga mula beristikharah, berdoa dan memohon petunjuk serta restu dari Allah, seterusnya mempersembahkan niat mulianya kepada ibunya (kami panggil Wo²) yang sangat dihormati dan dicintainya, sebelum perkara penting ini dibawake peringkat jawatankuasa (penaja) untuk dibincang dan dihadamkan sebelum apa-apa keputusan terbaik diterima dan dilaksanakan.

Sebelum dibina di kampung Sungai Durian, pondok yang diimpikan oleh tuan guruterlebih dahulu dibina disebuah kampung yang terletak lebih kurang 3 hingga 4 KM dari Kampung Sungai Durian, iaitu di **Kg. Bukit Enggong (Guchil 7), Guchil, Kuala Krai, Kelantan**. Tetapi, pondok yang dibina di kampung ini hanya dapat bertahan beberapa bulan sahaja, kerana lokasi ini dikatakan tidak sesuaipula bagisebuah pusat pengajian pondok yang dijangka akan berkembang maju pada masa-masa akan datang. Tapaknya sempit, berbukit-bukit dan bermacam-macam alasan lagi. Kebetulan pada ketika itu, jumlah pelajar yang datang mendaftar untuk “mengaji” di pondok baru ini didapati semakin bertambah dari hari ke hari. Maka dengan itu, di atas cadangan, pandangan dan nasihat ahli keluarga dan kawan-kawan serta orang ramai, pondok atau pusat pengajian (yang belum bernama) ini dipindah, dibina dan dibangun semula secara bergotong-royong di atas sebidang tanah seluas lebih kurang **4 ekar** terletak di **Kampung Sungai Durian**.

Dan, pada tanggal **4 Jun 1958M bersamaan 10 Safar 1378H** pondok ini mula diasas, ditubuh dan dibangun semula oleh **Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Sulaiman (Almarhum)** dan menamakan pusat pengajian ini dengan nama **Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian** (sempenanamakampung ini **Sungai Durian**). Keluasan tanah milik PSD semakin bertambah hasil dari pembelian beberapa lot tanah milik jiran-jiran sekitar sehingga keluasan tanah milik pondok ketika itu mencecah seluas **12 ekar**. Dan, baru-baru ini pihak pentadbir MMPSD di bawah pimpinan **Yang Berbahagia Dato’ Dr. Haji Abdul Basit Haji Abdul Rahman** telah bersetuju untuk membelisebidang tanah seluas **1 ekar**. Dengan itu, jumlah keseluruhan **tanah milik Pondok Sungai Durian** sehingga kini ialah seluas **13 ekar**.

²Mek Binti Hamat berasal dari Kampung Jal, Kok Lanas, Kota Bharu.

³Ada individu yang menyatakan bahawa Tuan Guru menamakan pondok ini sebagai Madrasah Muhammadiyah pada pertengahan tahun 1960 atau 1970an. Tetapi mengikut salah seorang anak lelaki Tuan Guru, Dato’ Dr. Abdul Basit Abdul Rahman bahawa pondok ini telah dinamakan Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian sejak mula ditubuh pada 4 Jun 1958 lagi.

SEBAB-SEBAB PENUBUHAN

- Bagi mengatasi kepincangan akhlak, amalan dan kehidupan beragama masyarakat Islam ketika itu,
- Bagi melaksanakan tugas Amar Ma’ruf dan Nahi Mungkar di kalangan masyarakat,
- Bagi menyediakan ruang dan kemudahan kepada masyarakat Islam untuk mencari dan menambah ilmu dan pengetahuan agama.

MATLAMAT PENUBUHAN

- Untuk melahirkan generasi Islam yang mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifahNya di muka bumi ini,
- Untuk mendidik akal dan hati agar setiap muslim sentiasa memiliki sifat-sifat mahmudah, menjauhi sifat-sifat mazmumah, berakhlak mulia serta memiliki syakhsiah sebagai individu muslim yang teguh beriman dan bertaqwa serta ikhlas, mantap dan berwibawa,
- Untuk melahirkan para ilmuan yang mempunyai keupayaan berfikir, merancang dan mengurus serta mampu menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul di samping bijak mengharmonikan suasana dan kondisi masyarakat mengikut acuan dan panduan Islam sebagai agama yang benar.



PENGASAS PONDOK SUNGAI DURIAN

Nama: **Tuan Guru Haji Abdul Rahman Bin Sulaiman⁴ (almarhum)**
 Tahun Lahir: 1923
 Negeri Kelahiran: Kelantan
 Tarikh Meninggal: 20 Februari 1988

Pendidikan:

- Sekolah Melayu Sultan Yahya Petra, Kuala Krai, Kelantan
- Pondok Paloh Rawa Machang Kelantan
- Pondok Kerawang Pulau Chondong Machang
- Pondok Kemuning Machang Kelantan
- Pondok But Keterah Kota Bharu Kelantan
- Pondok Manabi'ul Ulum, Pondok Penanti Bukit Mertajam Pulau Pinang
- Madrasah Darul Ulum Diniyyah Makkah al Mukarramah
- Masjidil Haram Makkah al Mukarramah
- Rumah beberapa orang tuan guru sekitar Makkah al Mukarramah.



⁴Haji Abdul Rahman Bin Sulaiman Bin Kechik Bin Isa Bin Hak (Ishak). Ayah Tuan Guru, Sulaiman Bin Kechik berasal dari Kampung Keluat yang terletak di seberang Sungai Kelantan bersebelahan dengan Tangga Bradley (Tangga Krai)

AHLI JAWATANKUASA PENTADBIR PRA DAN PASCA PENUBUHAN PONDOK SG. DURIAN

Pra dan pasca penubuhan Pondok Sg. Durian, Tuan Guru Haji Abdul Rahman sebagai pengasas dan mudir pondok ini, pastinya tidak bekerja, mentadbir dan mengurus secara bersendirian. Beliau telah memilih dan melantik beberapa individu untuk menganggotai satu Jawatankuasa pentadbiran bagi sama-sama membantu, memberi pandangan dan cadangan serta sokongan material mahupun spritual agar kelancaran perjalanan pondok dan Madrasah Muhammadiyah Pondok Sg. Durian yang diasasnya tidak terhalang, tersekat atau “terhenti di tengah jalan”.

Pemilihan dan perlantikan Ahli Jawatankuasa Pentadbir PSD secara rasmi serta mendapat pengesahan pihak MAIK (Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) hanya dibuat pada 8 Januari 1973.

Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Pentadbir Pondok Sg. Durian ketika itu ialah sebagaimana berikut:

Pengerusi: Ibrahim bin Ya'cub
 Timbalan Pengerusi: Hamzah bin Jusoh
Setiausaha: Haji Abdul Rahman bin Sulaiman (Tuan Guru)
 Penolong Setiausaha: Ramli bin Abu Bakar
 Bendahari: Ismail bin Sulaiman (adik Tuan Guru)

AJK:
 Haji Shukri bin Haji Yusuf
 Abdul Ghani bin Ahmad
 Haji Tahir bin Haji Yahya
 Idris bin Haji Omar
 Syed Noor bin Che Ahmad
 Che Husin bin Muhammad

Pemeriksa Kira-kira: Abdul Rashid bin Taib.



TENAGA-TENAGA PENGAJAR MMPSD SEMASA TUAN GURU

Tuan Guru Haji Abdul Rahman adalah guru atau tenaga pengajar utama Madrasah Muhammadiyah Pondok Sg Durian.

Beliau akan dibantu oleh beberapa orang “anak-anak muridtuanya” yang dipilih dan dilantik sendiri oleh Tuan Guru sebagai **guru pelatih** atau **guru pembantu**.

Antara **pelajar pertama MMPSD** yang dipilih dan dilantik sebagai **guru pelatih** ketika itu ialah:

1. **Ustaz Ismail bin Sulaiman (almarhum)**
2. **Ustaz Ibrahim bin Ya'cub (almarhum)**
3. **Ustaz Ramli bin Abu Bakar (almarhum)**
4. **Ustaz Haji Shukri bin Yusuf (almarhum)**

Dan, begitulah seterusnya **keadaan guru-guru pelat** yang membantu **Tuan Guru di MMPSD**. Bila ada di antara mereka yang **keluar** untuk meneruskan pengajian di IPT-IPT lain, mereka akan diganti dengan pelajar-pelajar lain pula sebagai pembantu gurusehingga Tuan Guru (Ayah Haji) meninggal dunia pada tahun 1988M.



ANGGOTA PENTADBIR MMPSD (Sekarang)

Penasihat:	Ustaz Haji Ahmed Shukri Haji Abdul Rahman (B.A. Hons Universiti Ummul Qura Makkah & M.A Rabitah Makkah)
Musyrif/Mudir:	Dato' Dr. Haji Abdul Basit Haji Abdul Rahman (Ph.D Universiti Islam Madinah)
Timbalan:	Ustaz Haji Bunyamin Haji Abdul Rahman (M.A Universiti Malaya)
SUKewangan & Ketua Pendaftar:	Ustaz Yahya Yaacob (B.A. Hons Universiti Al Azhar Mesir)
Kurikulum & Peperiksaan:	Ustaz Haji Abd Kadir Yasim (Sijil Tinggi Pondok Sungai Durian)
Pendaftaran & Tarbiah:	Ustaz Haji Ahmad Nawawi (B.A.Hons Universiti Al Azhar Mesir)
Tugas-Tugas Khas:	Ustaz Haji Fakhrurazi Haji Abdul Rahman (B.A. Hons Universiti Al Azhar Mesir)
Disiplin & Penempatan:	Ustaz Sulaiman Harun & Ustaz Faiz Fakhruddin Haji Ayub (Sijil Tinggi Pondok Sungai Durian)
Kebersihan & Keselamatan:	Ustaz Haji Ayub Abdul Ghani (Sijil Tinggi Pondok Sungai Durian)
Kaunseling:	Ustaz Haji Mat Ripin Mat (UKM & Sijil Tinggi Pondok Sungai Durian)



**TENAGA-TENAGA PENGAJAR MMPSD (Sekarang)
(Bahagian Lelaki)**

1. **Dato' Dr. Haji Abdul Basit Abdul Rahman** (B.A, M.A dan Ph.D Universiti Islam Madinah)
2. **Ustaz Haji Fakhrurazi Abdul Rahman** (B.A Universiti Al Azhar Mesir)
3. **Ustaz Yahya Yaacob** (B.A Universiti Al Azhar Mesir)
4. **Ustaz Yahya Ismail** (B.A Universiti Al Azhar Mesir)
5. **Ustaz Ahmad Akmalul Afif Abd Kadir** (Diploma Dakwah Dan Pengurusan, Kolej Islam Pahang (KIPSAS) dan B.A Dakwah Dan Konseling, Universitas Islam Negeri Ar Raniry Banda Aceh Indonesia)
6. **Ustaz Haji Ahmad Nawawi** (B.A Universiti Al Azhar Mesir)
7. **Ustaz Haji Mat Ripin Mat** (Sijil Tinggi Pondok dan UKM)
8. **Ustaz Haji Abdul Kadir Yasim** (Sijil Tinggi Pondok)
9. **Ustaz Haji Ayub Haji Abdul Ghani** (Sijil Tinggi Pondok)
10. **Ustaz Haji Mohd Hanafi Haji Ali** (Sijil Tinggi Pondok)
11. **Ustaz Sulaiman Harun** (Sijil Tinggi Pondok)
12. **Ustaz Haji Mohamad Ismail** (Sijil Tinggi Pondok)
13. **Ustaz Mohd Aziman Ismail** (Sijil Tinggi Pondok)
14. **Ustaz Faiz Fakhruddin Haji Ayub** (Sijil Tinggi Pondok)
15. **Ustaz Haji Abdul Rahim Muda** (Syria)
16. **Ustaz Haji Abdul Hayyi Zulkifli** (B.A Universiti Islam Madinah)
17. **Ustaz Hamid Alias** (Pesantren di Indonesia)
18. **Mutawi' bin Rizq** (Syahadah Tahfiz Mesir)
19. **Ustaz Azhari Johari** (Sijil Tahfiz dan Sijil Tinggi Pondok)
20. **Ustaz Haji Ismail Yaacob** (Makkah)
21. **Ustaz Ahmad Afifi** (Tahfiz Darul Quran, JAKIM)
22. **Cikgu Muhammad Shamim** (B.A Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur)



**TENAGA-TENAGA PENGAJAR MMPSD
(Bahagian Perempuan)**

1. **Ustazah Hajjah Fatimah Haji Daud** (Thanawiah Arab Saudi)
2. **Ustazah Hajjah Aesah Haji Abdul Rahman** (Thanawiah Arab Saudi)
3. **Ustazah Hajjah Datin Nik Zulaili Nik Yaacob** (B.A Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Kuala Lumpur)
4. **Ustazah Suhaila Atiqullah** (B.A Universiti Of Jordan, Jordan)
5. **Ustazah Hajjah Azni Wahab** (B.A Universiti Al Azhar Mesir)
6. **Ustazah Hajjah Fatimah Jusoh** (SMU Yayasan Islam Kelantan)
7. **Ustazah Liuza Ismail** (Sijil Tinggi Pondok)
8. **Ustazah Che Azwana Ismail** (Sijil Tinggi Pondok)

Jumlah Pelajar Dan Warga Pondok Tahun 2018/1439

- | | |
|--|------------------|
| a. Pelajar Lelaki (Bahagian Pondok) : | 230 orang |
| b. Pelajar Lelaki (Bahagian Tahfiz): | 42 orang |
| c. Pelajar Perempuan: | 80 orang. |
| d. Warga Emas (lelaki dan perempuan): | 220 orang |

Jumlah terkini keseluruhan warga PSD: 572 orang

SISTEM PENGAJIAN DAN PENGAJARAN DI MMPSD

Sebelumnya, sistem pengajian dan pengajaran di pondok hanya berjalan dan diadakan di masjid sahaja tanpa mempunyai bilik-bilik darjah. Namun, pada pertengahan tahun 1960an atau pada awal 1970an Tuan Guru Haji Abdul Rahman telah mewujudkan satu pembaharuan dalam sistem pengajian dan pengajaran di **Pondok Sungai Durian** dengan mengadakan pengajian dan pengajaran di dalam kelas dan di bilik-bilik darjah selain di masjid. Dengan itu, Tuan Gurutelah menambahbaik lagi kurikulum sertadisepadukan pula dengan **Kurikulum Pendidikan Sekolah-Sekolah Agama Negeri Kelantan (JASA)** dan sekarang di bawah **Yayasan Islam Kelantan (YIK)**. Maka, sejak itu wujudlah dua sistem pengajian dan pengajaran di **Pondok Sungai Durian** atau **Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian**:

PERTAMA: Sistem Pondok.

Melalui sistem ini para pelajar akan didedah dan diajar dengan pengajian kitab-kitab turath (silam) yang ditulis dan dihasilkan oleh ulama'-ulama' muktabar sama ada dalam bahasa arab atau bahasa melayu (bertulisan jawi) klasik. Para pelajar akan diajar pelbagai maddah dan bidang ilmu seperti nahu, saraf, bahasa arab, tafsir, hadis, aqidah dan lain serta dihurai dan dijelaskan secara terperinci "dari kulit ke kulit" oleh guru-guru yang memiliki kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kelas ini lazimnya diadakan di balaisah/di masjid secara halaqah atau secara "menadah kitab" setiap hari seusai solat fardhu lima waktu kecuali selepas solat fardhu zohor.

KEDUA: Sistem Persekolahan.

Melalui sistem dan kaedah ini, para akan diajar beberapa subjek Dini (agama), bahasa arab, tafsir, hadis, fiqh, aqidah dan sebagainya termasuk **BM** dan **BI** mengikut muqarrar (sukatan) yang telah disediakan oleh **JASA**, dan sekarang **YIK (sukatan Al Azhari Mesir)** serta beberapa tambahan kitablain yang berkaitan oleh pihak pentadbir **MMPSD** sendiri.

Para pelajar akan mengikuti pengajian dan pembelajaran selama 6 tahun di dalam kelas atau di dalam bilik-bilik darjah mengikut kelas dan tahap masing-masing.

Guru-guru akan masuk kelas mengikut giliran, hissah atau masa yang ditetapkan (**selama 40minit setiap hissah**) sebagaimana yang diamalkan di sekolah-sekolah pelbagai aliran lain di negeri ini.

Hissah atau masa pertama bermula pada jam 8.00 pagi dan hissah terakhir ialah pada jam 1.00 petang setiap hari kecuali hari Jumaat dan Sabtu.



SUMBER KEWANGAN

1. Sumbangan dari ahli keluarga almarhum Tuan Guru
2. Sumbangan dari para dermawan
3. Sumbangan derma dari ibubapa pelajar dan orang awam
4. Yuran/derma pengajian sebanyak RM20.00 sebulan
5. Hasil perniagaan secara kecil-kecilan*


- Pada awal tahun lepas (2017) pihak pentadbiran dan pengurusan MMPSD telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah koperasi yang diberi nama **Koperasi Pondok Sungai Durian**. Alhamdulillah koperasi ini telah didaftarkan melalui **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Machang Kelantan**, dan telah mendapat kelulusan untuk menjalankan apa-apa kegiatan dan aktiviti sebagaimana yang diputuskan.

Dan kini sebuah kedai **Koperasi Pondok Sungai Durian (Pondok Mart)** yang menjual pakaian seragam pelajar-pelajar MMPSD, seperti jubah, kopiah, alat-alat tulis, baldi, sabun dan lain-lain telah dibuka berhampiran pejabat dan masjid pondok ini. Bersebelahan Pondok Mart ini pula diwujudkan satu sudut yang dinamakan **Pondok Kafe** untuk menjual minuman dan makanan-makanan ringan seperti roti, kueh-mueh dan sebagainya.

- Selain itu, pihak pentadbiran dan pengurusan MMPSD di bawah pimpinan Musyrifnya Yang Berbahagia **Dato' Dr. Abdul Basit Abdul Rahman** telah berusaha keras untuk menubuhkan sebuah yayasan yang diberi nama **Yayasan Pondok Sungai Durian (YPSD)**. Maka, dengan izin dan inayah Allah, yayasan ini juga telah **DILULUSKAN**.



GAMBAR-GAMBAR PONDOK SG.DURIAN DAHULU



GAMBAR-GAMBAR PONDOK SG. DURIAN SEKARANG.




GAMBAR-GAMBAR KETIKA PSD DITENGGELAMI BANJIR PADA DISEMBER 2014M



ANTARAPELAJAR-PELAJAR PONDOK SUNGAI DURIAN YANG DALAM BIDANG DAN KERJAYA MASING-MASING

1. **Alfadhil Yang Berbahagia Dato' Dr. Abdul Basit Bin Abdul Rahman.**
(Musyrif Pondok Sg. Durian dan Pensyarah di Jabatan Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri Kota Bharu, Kelantan.)
2. **Ustaz Haji Mohd Nazri Bin Mat Zin**
(Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Machang, Kelantan)
3. **Ustaz Zainuddin Bin Che Seman**
(Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor)
4. **Ustaz Wan Fakhru Razi Bin Wan Mohamad**
(Pensyarah Asasi Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor)
5. **Ustaz Syaari Bin Haji Rahuddin**
(Mudir Sekolah Rendah Arab Pernu, Melaka)
6. **Ustaz Haji Ahmed Shukri Bin Haji Abdul Rahman**
(Pengasas dan Ceo Ash-Har Travel & Tours Sdn.Bhd di alamat Jalan 3/76D, Desa Pandan, Kuala Lumpur & Bangunan Iktisad, Jalan Dato' Pati, Kota Bharu, Kelantan)
7. **Ustaz Haji Mohd Kamel Bin Abdullah**
(Pemilik & Pengarah Citra Travel & Tours Sdn.Bhd di alamat Jalan Jalan Bayam, Kota Bharu, Kelantan)
8. **Ustaz Ibrahim Bin Yusuf**
(Ceo Al Ilmi Travel & Tours Sdn. Bhd di alamat No 32-1, Jalan AWF 3, Ampang Water Front, Ampang, Selangor)
9. **Kamarul Hakim Bin Haron**
(Pemilik syarikat jualan kenderaan Cahaya Automobile di alamat PT445, Kg. Tapang, Jalan JPJ, Panji, Kota Bharu Kelantan)
10. **Ustaz Haji Hamzah Bin Haji Abdul Karim @ Hamsah Chuapudi**
(Pengasas/Mudir Maahad al Ikhwan, Nonthaburi, Bangkok, Thailand).
11. **YB Haji Abdul Latiff Bin Haji Abdul Rahman**
(Timbalan Speaker DUN Kelantan)
12. **Ustaz Haji Yahya Bin Mat Razi**
(Pernah bertugas di Bahagian Kurikulum (Bahasa Arab) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pernah dilantik sebagai Dekan Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor sebelum bersara).

ANTARA GAMBAR BEKAS-BEKAS PELAJAR YANG BERJAYA DALAM BIDANG DAN KERJAYA MASING-MASING.



ANALISIS

Penulis amat mengagumi, sangat berbangga dan berterima kasih di atas kesungguhan serta keikhlasan para ‘ulama yang telah menjadi tunjang yang sangat utuh dan kukuh kepada kekuatan dan kegemilangan institusi pengajian Islam secara pondok sejak dahulu sehingga sekarang dan selamanya insya Allah. Dengan itu, kita dapat menyaksikan betapa keutuhan dan kemantapan akidah dan akhlak ummah akan terus terpelihara (insya Allah) selagi institusi pengajian pondok terus disokong, dipertahan dan tidak dipinggirkan di “tebing dunia” masa kini.

Penulis juga melihat, bahawa kesabaran, ketabahan serta semangat juang yang tinggi yang dipamerkan oleh para ‘ulama pengasas pondok-pondok terdahulu dalam usaha mereka untuk menyebarkan ilmu-ilmu Islam melalui institusi pengajian pondok ini, harus dijadikan panduan dan teladan.

Selain itu, penulis juga berpandangan bahawa, kelangsungan legasi serta fungsi mulia institusi pengajian pondok akan terus terbela, terpelihara dan tidak mampu ditelan zaman, sekiranya pelbagai sektor masyarakat sama-sama memberi sokongan dan bantuan dari aspek moral atau kebendaan.

Pondok Sungai Durian atau **Madrasah Muhammadiyah Pondok Sungai Durian** yang (dilihat) masih terus terserlah, teguh bertahan, malah semakin aktif mentarbiah dan membimbing ummah sehingga sekarang juga harus diberikan perhatian oleh pelbagai pihak.

Sesungguhnya, jika tiada lagi para ‘ulama bersama institusi pengajian pondok yang mereka bangun dan majukan sejak sekian lama, wujud serta dapat berkolaborasi dengan institusi-institusi pengajian Islam lain dalam usaha penyebaran dan pengembangan ilmu-ilmu turath Islami di negeri atau di negara ini, maka siapakah, di manakah dan bagaimanakah khazanah ilmu-ilmu turath Islam ini dapat dijaga, dipelihara dan dijana dengan lebih kukuh, lebih berkesan dan lebih mantap lagi.

PENUTUP

Akhirnya, penulis amat mengharapkan kerjasama, sokongan serta doa yang berterusan dari semua pihak, agar **Pondok Sungai Durian** yang telah di atas dan dibangunkan sejak enam dasawarsa yang lalu, terus kekal aktif sebagai alat, tempat, medan dan ruang kondusif untuk menyampai dan mengembangkan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat, meskipun ianya berada dalam suasana dan zhuruf yang semakin hari semakin berkembang dan berubah.

Saya mengharapkan agar, biarlah masa dan zhuruf sahaja yang berubah dan bertambah, namun MMPSD tetap bersemangat waja, tetap berjiwa “muda”, terus maju dan bertambah gagah berjihad dan berjuang demi agama Islam atau cara hidup yang diredhai Allah di pentas dunia yang sementara ini insya-Allah.

Sekian, wassalam.

Haji Abd Kadir Yasim

Tenaga Pengajar MMPSD

PT 2053, Kg. Baru, Batu Jong, Kuala Krai.

(Selasa: 13 Jamadil Awal 1439H bersamaan 30 Januari 2018M)

Rujukan:

1. Risalah: **“Sejarah Penubuhan Pondok Sungai Durian”**
(Terbitan: Madrasah Muhammadiyah PSD)
2. Kertas Kerja Bertajuk: **“Allahyarham Tuan Guru Haji Abdul Rahman Sejarah Dan Pengorbanan”** oleh **Alfadhil Ustaz Zainuddin Che Seman**, (Bekas pelajar dan ex tenaga pengajar MMPSD. Kini bertugas sebagai Pensyarah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) Selangor).
3. Perpustakaan&Pejabat Madrasah Muhammadiyah Pondok Sg. Durian.
4. Temubual bersama **Dato’ Dr. Abdul Basit Bin Abdul Rahman** (Musyrif/Mudir MMPSD)
5. Temubual bersama **Ustaz Yahya Yaacob**, (Setiausaha Kewangan dan Ketua Pendaftar MMPSD).
6. Temubual bersama **Ustazah Hajjah Fatimah Jusoh**, (Tenaga pengajar MMPSD (bahagian perempuan) juga merupakan salah seorang yang telah diberi amanah dan tanggungjawab untuk menjaga hal ehwal warga emas PSD (bahagian perempuan).
7. Temubual bersama **Ustaz Haji Abdul Hayyi Zulkifli** (Tenaga Pengajar/Penyelia bahagian Tahfiz PSD).
8. Tesis B.A bertajuk: **Tokoh Ulama’ Tuan Guru Haji Abdul Rahman(Pondok Sungai Durian) Riwayat Hidup Dan Peranannya Di Dalam Malaysia**, oleh **Awg Lah Bin Ismail**, Jabatan Pengajian Al Quran & Sunnah, Fakulti Pengajian Islam UKM Bangi.
9. **Google/Youtube&FB.**